

# 'Impak akademia terhadap pembangunan masyarakat yang lestari'

UB 18.10.2020

18 Oct 2020

Kelestarian Libatsama Masyarakat (PKLM), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menggalas peranan memastikan impak dan hasil penyelidikan yang dilakukan oleh akademia dapat dikongsikan kepada masyarakat.

Dengan kata lain, penubuhan PKLM adalah untuk memastikan pemindahan ilmu dari universiti yakni akademia berlaku dengan teratur dan berimpak hasil daripada jaringan strategik libatsama yang lestari di antara universiti dan masyarakat.

Realitinya, akademia mampu menawarkan kepakaran dalam pelbagai bidang yang memudahkan kehidupan masyarakat mencukupi pembangunan sosio ekonomi masyarakat, dan segenap aspek lain yang diperlukan. Ini adalah sebagai memenuhi maksud sebenar obligasi sosial yang boleh dimainkan oleh akademia kepada masyarakat. Sesungguhnya, cabaran baharu dunia banyak menguji kehidupan masyarakat yang mungkin akan

berhadapan dengan masa depan yang kian terancam kitaran ekosistemnya. Ini adalah kesan daripada sumber alam yang tidak diurus dengan baik dan efisien.

Seiringan dengan itu, keadaan alam sekitar yang kian terancam perlu disedari agar ianya kekal lestari penjagaannya bagi membolehkan masyarakat dunia dapat hidup lebih lama, harmoni dan sejahtera. Dalam hal ini, akademia wajar tampil berkongsi dengan masyarakat akan kepakaran dan inovasi mereka untuk memastikan agenda kelestarian sentiasa diutamakan.

Sebagai pusat yang dipertanggungjawabkan dalam memperluaskan impak penyelidikan dan inovasi universiti kepada masyarakat, PKLM tuntas bergerak ke hadapan memastikan hasil penyelidikan universiti turut dapat meningkatkan pembangunan modal insan dan memelihara kesejahteraan hidup masyarakat khasnya di sekeliling universiti

dan sejauh yang mungkin ke pelusuk kampung. Hatta, impak ilmu harus dirasai oleh masyarakat yang berada dalam lingkungan rimba jua. Sehubungan itu, PKLM berhasrat untuk memperluaskan impak akademia sehingga kepada masyarakat yang tinggal jauh bersempadanan dengan kawasan-kawasan tapak perlindungan warisan dunia seperti di kawasan Konservasi Imbak Canyon (KIKK), Kawasan Konservasi Lembangan Maliau (KKLM), Kawasan Konservasi Lembah Danum (KKLD), kawasan-kawasan terlindung di Kawasan banjaran Crocker Taman-Taman Sabah. Hasrat ini lebih mudah dijayakan jika wujud suatu bentuk kerjasama yang erat di antara agensi kerajaan, industri, pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) dan dermawan yang bersedia untuk menyumbang demi memajukan masyarakat terlibat.

Pusat ini akan menjadi pusat sehati kepada universiti dalam usaha mewujudkan suatu pusat

yang menjadi penghubung antara UMS dengan pihak masyarakat dan pemegang taruh yang terlibat dengan komuniti.

Kesinambungan penglibatan universiti dengan masyarakat semestinya saling berkaitan. Hal ini demikian kerana hubungan strategik antara kedua-dua entiti ini akan dapat membawa kepada kemakmuran ekonomi, kelestarian alam sekitar dan pembangunan sosial dan budaya di sesebuah kawasan.

Sejarah lampau menyaksikan bagaimana hubungan universiti dan masyarakat ini telah membawa kepada pembangunan sesebuah kawasan sebagaimana yang terpampang pada anjakan minda kelompok masyarakat di sekitarnya.

Di sinilah bermulanya terma universiti sebagai institusi sosial yang mempunyai tanggungjawab kepada masyarakat. Kepakaran yang awalnya dikongsikan menerusi interaksif staf dan pelajar bersama masyarakat



DR JAKARIA DA SAN

diperluaskan dengan penghasilan produk dan perkhidmatan yang boleh membantu sosio-ekonomi kehidupan masyarakat.

Setelah masyarakat semakin maju dan makmur serta berupaya meningkatkan ekonomi dan hasil pendapatan masing-masing, keperluan masyarakat kepada universiti telah beralih pula kepada universiti sebagai penyelesaian masalah.

Dengan kata lain, universiti kini perlu bersedia untuk kekal relevan terhadap jangkaan masyarakat untuk suatu jangka masa yang panjang. Universiti juga perlu pantas melaksanakan bentuk perkongsian yang sesuai melibatkan pelajar dan masyarakat di mana pelajar yang

kelak mendampingi masyarakat akan sentiasa mempelajari sesuatu pengalaman yang terkini, seiring dan relevan.

Perkembangan pantas teknologi era digital dan cabaran semasa (COVID-19) yang membataskan pergerakan dan menghadkan kebebasan pelajar menimba ilmu adalah suatu cabaran yang wajar diharungi bersama.

Dalam memastikan berlakunya peningkatan hasil pembelajaran pelajar dalam persekitaran yang dinamik ini maka suatu bentuk penyertaan bersama masyarakat yang berimpak amat diperlukan. Ini adalah bagi membolehkan para pelajar mempelajari pengalaman yang memantangkan fikiran konstruktif dan mencorakkan tindakan inovatif.

Oleh itu, universiti mesti menitikberatkan aspek lestari dalam pengajaran dan pembelajaran. Persekitaran pembelajaran sedemikian kemudiannya dibawa oleh pelajar ke masyarakat. Masyarakat pula mampu menghidangkan praktikaliti bagaimana kelestarian itu berlaku.

Konsep kerjasama seperti inilah yang mampu menghasilkan graduan masa depan yang mewarisi dunia yang lebih lestari di sebalik kemodenan dan kecanggihan teknologi yang pasti sentiasa berubah.

Dr Jakaria Dasan merupakan

Pengarah Pusat Kelestarian Libatsama Masyarakat, UMS. Pusat ini ditubuhkan bagi membolehkan universiti dapat mendampingi masyarakat dengan menyalurkan hasil inovasi dan penyelidikan untuk manfaat masyarakat. Beliau juga adalah Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS dan berkepakaran dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia. —

Write a comment...

Listen Page View Share Save More

Update Download